

08 FEB 1998

Hamid-Murtad (Bergambar)

NOR AISHAH TIDAK TINGGALKAN ISLAM, KATA ABDUL HAMID

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Nor Aishah Bokhari, wanita Islam yang dikatakan mengisytiharkan dirinya keluar dari agama untuk berkahwin dengan teman lelakinya yang bukan Islam, sebenarnya tidak berhasrat untuk bertukar agama, menurut siasatan Pusat Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata siasatan yang dijalankan mendapati kes itu merupakan kes percintaan yang tidak mendapat restu keluarga dan tidak ada kena-mengena dengan isu murtad.

"Aishah tidak ada niat (menukar agama), dia mempunyai latarbelakang agama yang kuat, cuma isunya, isu percintaan dia dengan seorang yang bukan beragama Islam, jadi perkara ini bukan luar biasa," katanya kepada pemberita di sini ketika ditemui pada majlis rumah terbuka beliau sempena Hari Raya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pertanian Datuk Amar Sulaiman Daud, Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar serta wakil-wakil kedutaan asing di sini.

Abdul Hamid diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru kes Nor Aishah, 25, yang melarikan diri dari keluarganya dan dipercayai mengikut teman lelakinya, Joseph Arnold Lee sejak 30 Dis lepas.

Abdul Hamid berkata Pusat Islam belum mempunyai maklumat di mana Nor Aishah kini berada, bagaimanapun pegawainya sentiasa berhubung dengan keluarga wanita itu.

"Kita sedang mengurus perkara ini, maknanya jauh sama sekali bahawa seorang wanita Islam, Melayu keluar daripada agamanya.

"Didapati perkara itu bukan yang sebenarnya, lambat laun kita akan selesaikan masalah keinginan mereka hendak berkahwin, bukan soal percanggahan amalan agama," katanya.

Abdul Hamid berkata amalan di Malaysia apabila seseorang Islam hendak berkahwin dengan bukan Islam, pasangan bukan Islam itu yang akan bertukar agama kepada Islam dan bukan sebaliknya.

"Dan kita akan teruskan amalan ini, kerana di Malaysia, pertukaran agama sangat sensitif," katanya.

Katanya, dalam kes Nor Aishah, Pusat Islam akan menasihati keluarga kedua-dua pihak supaya perkara itu dikendalikan dengan cara lembut dan halus, serta agar mereka menerima perkahwinan itu kerana perkahwinan yang melibatkan kaum dan keturunan berbeza bukan perkara baru dalam masyarakat Malaysia. -- BERNAMA

RAZ WAT